

Dua bahagian Umno Perak sokong kerajaan mengenai puak revolusi Iran

# Pusat digesa terbitkan kertas putih

Bahan asal dari Akhbar  
Negara Malaysia

**IPOH, Isnin** — Kerajaan Pusat hari ini didesak supaya mengeluarkan kertas putih mengenai kegiatan mereka yang mahu mencetuskan revolusi ala Iran di negara ini serta mengharamkan kegiatan itu.

Seruan ini dibuat oleh Umno Bahagian Teluk Intan yang bermesyuarat semalam. Desakan itu juga disokong oleh Umno Bahagian Sungai Siput.

Ketua Umno Teluk Intan, Encik Arshad Abdullah berkata, Bahagiannya menyokong kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam mengenai kegiatan itu ketika beliau merasmikan Ijtimak Ulama se-Malaysia di Kuala Terengganu minggu lalu.

Dalam ucapan itu Datuk Musa menyatakan, segolongan puak pembangkang telah membuat keputusan untuk merisik peluang mendapatkan latihan senjata dari sebuah negara lain bagi mewujudkan sebuah Republik Islam di ne-

Oleh **RAZAK RAFFLIS**

gara ini melalui revolusi.

Encik Arshad, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Cangkat Jong, berkata, dalam kertas putih itu, kerajaan hendaklah mendedahkan segala kegiatan kumpulan itu.

"Ini adalah penting supaya rakyat akan mengetahui betapa bahayanya kegiatan itu".

## **Bahayanya**

Beliau juga mendesak kerajaan supaya mengharamkan kegiatan itu serta bertindak ke atas mereka yang didapati terabit.

Ketua Umno Bahagian Sungai Siput, Encik Imam Mior Osman Pinawa bersetuju yang tindakan wajar perlu diambil ke atas kumpulan itu sebelum ia mengancam rakyat.

"Revolusi ala Iran itu tidak perlu kerana keadaan di antara Malaysia-Iran berbeza.

"Lagipun, sistem demokrasi yang diamalkan oleh Malaysia adalah yang paling sesuai untuk negara ini dan memberi kesejahteraan kepada rakyat," katanya.